

29/07/1997

Amerika bela Soros

AMERIKA Syarikat tetap mempertahankan ahli kewangan yang berpangkalan di negara itu, George Soros, dengan menegaskan tindakan menyalahkan spekulator menyebabkan nilai mata wang negara Asean tidak menentu sebagai tidak berasas.

Dalam satu kenyataan rasmi negara itu semalam, Setiausaha Rendah Negara Bagi Ekonomi, Perniagaan dan Pertanian Amerika Syarikat, Stuart E Eizenstat, berkata Amerika Syarikat sebenarnya tidak berhasrat mengulas mengenai isu itu kerana ia lebih sesuai dibincangkan pada dialog Menteri Kewangan atau Menteri Ekonomi.

Bagaimanapun, katanya, selepas ia dibangkitkan dalam kenyataan pembukaan Persidangan Selepas Mesyuarat (PMC) bahawa perkara itu berlaku akibat `sabotaj', negara itu berpendapat perlu untuk melahirkan pandangan mengenainya.

"Menyalahkan perkara itu ke atas spekulator jelas tidak disokong oleh bukti," katanya.

Pada sebelah pagi, dalam kenyataan pembukaannya, Pengerusi PMC yang juga Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menegaskan pendirian Malaysia supaya masyarakat antarabangsa mesti membantu memerangi spekulator yang bertindak menyerang mata wang negara Asean sehingga mengancam asas ekonomi serantau.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang sebelum ini menamakan Soros sebagai orang yang bertanggungjawab terhadap keadaan itu, menjelaskan ekonomi negara membangun akan terus terdedah kepada sabotaj penyamun antarabangsa yang menyebabkan kejatuhan nilai mata wang selagi masyarakat dunia tidak menganggap mereka sebagai penjenayah.

Namun, Eizenstat menjelaskan, pengalaman lalu menunjukkan pergerakan pasaran tidak dikuasai oleh sekumpulan kecil spekulator mata wang, apalagi seorang individu yang secara kebetulan adalah warga Amerika Syarikat.

Katanya, tuduhan serupa juga dilemparkan apabila nilai mata wang Eropah menjadi tidak menentu pada 1992.

Bagaimanapun, beliau berkata analisis selepas kejadian itu menunjukkan spekulasi tidak mempunyai peranan dalam menyebabkan keadaan nilai mata wang tidak menentu.

Beliau juga berkata, asas ekonomi Asean akan terus menjadi kukuh menerusi kadar simpanan yang tinggi, mengamalkan etika bekerja kuat dan produktif serta ekonomi berasaskan eksport.

(END)